



JET KERTAS TRAVELS SDN BHD

SSM: 1336307-H (201901026978) KPK/LN: 11929

12-1, JALAN AMAN TIARA 5, BANDAR TROPICANA AMAN, 42500 TELOK PANGLIMA GARANG, SELANGOR

EMAIL: jet.kertas.travel@gmail.com WEBSITE: jetkertas.com

PHONE: +603 86804246 (office) +6014 3714965 (w/app admin) +6013 6754965 (w/app sale)


XINJIANG NORTH TOUR 10D9N BURQIN - HEMU - JIADENGYU - KUITUN - SAYRAM - ILI - NALATI

Highlight : Five Colour Hill, Burqin Night Market, Hemu Village, Kanas Lake, Urho Ghost City, Dushanzi Grand Canyon, Sayram Lake, Guozigou Bridge, Kazakh Village, Kazanqi Folklore Street, Nalati Grassland.

TARIKH: 21 - 30 APR 2027, 30 MAY - 08 JUN 2027, 20 - 29 SEPT 2027

Peringkat Umur	DEWASA 12 TAHUN KE ATAS	KANAK-KANAK BERKATIL	SURCHARGE PEAK SEASON	SINGLE SUPPLEMEN
HARGA TRIP	RM 9,490	RM 9,190	+RM 500	RM 1,800

ITINERARY



DAY 1 : BERTOLAK KE URUMQI (D)

Berjumpa di KLIA. Taklimat, check in. Penerbangan ke Urumqi dengan penerbangan transit. Sampai Urumqi, airport transfer, check in dan berehat. Bermalam di Urumqi.



DAY 2 : PERJALANAN KE BURQIN (B,L,D)

Kita akan menuju ke utara melalui Wuda Highway sejauh 600km dalam masa 8 jam. Kita akan singgah beberapa lokasi perhentian untuk makan dan tandas. Kita akan singgah juga di Five Coloured Hills (Wucaiwan) untuk bergambar. Sampai di Burqin, dinner. Kemudian check in penginapan untuk berehat.

Malam free easy. Bermalam di Burqin.



DAY 3 : HEMU VILLAGE TOUR (B,L,D)

Kita check out, dan menuju ke Hemu Village yang didiami oleh masyarakat etnik Tuva, yang terkenal sebagai kampung tercantik di dunia. Dikelilingi hutan birch putih, gunung salji, lembah dan padang rumput, juga sungai Hemu yang jernih hasil cairan salji. Mereka juga dikatakan berketurunan tentera Mongol. Free time walking tour untuk beraktiviti seperti menunggang kuda. Kemudian kita akan menuju ke Jiadengyu untuk bermalam di sana.



DAY 4 : KANAS LAKE TOUR (B,L,D)

Check out, bergerak menuju ke Kanas Lake, tasik cantik yang berlatarkan hutan pokok alpine dan gunung salji. Tasik ini berwarna biru kehijauan, menambahkan lagi keunikannya. Tasik ini pernah terkenal dengan mitos raksasa tasik. Kita akan merasai pengalaman bot trip menyelusuri tasik ini untuk bergambar. Kemudian kita akan kembali ke Burqin. Sampai Burqin, check in penginapan. Bermalam di Burqin.



DAY 5 : URHO GHOST CITY TOUR (B,L,D)

Selepas sarapan kita check out. Meneruskan perjalanan ke selatan. Kita akan singgah di Urho Ghost City, dinamakan kota hantu disebabkan lanskap di sini unik seolah-olah masuk ke dunia lain. Ia terhasil dari batu yang terbentuk oleh hakisan angin selama berjuta tahun, menghasilkan batu berbentuk istana, singa, pyramid yang misteri. Bila angin bertiup celah batu, akan hasilkan bunyi seperti jeritan. Kita teruskan perjalanan ke Kuytun, bermalam di sana.



DAY 6 : DUSHANZI CANYON TOUR (B,L,D)

Selepas check out, kita akan melawat Dushanzi Grand Canyon, iaitu lembah yang terhasil dari hakisan sungai yang mengalir dari Tianshan Mountain. Panjang keseluruhan sekitar 200km. Kita akan melihatnya dari jambatan gantung dan viewpoint. Selepas lunch dan solat, kita akan menuju ke Barat Xinjiang, dan berhenti di Jinghe. Kita makan malam, dan check in penginapan. Bermalam di Jinghe.



DAY 7 : SAYRAM LAKE, GUOZIGOU BRIDGE (B,L,D)

Hari ini kita akan melalui perjalanan terus dari Jinghe ke Sayram Lake, yang dikenali Laut Terakhir Barat. Keluasannya sekitar 450km persegi, airnya pula sangat jernih, berlatarkan rumput hijau dan gunung salji. Selepas itu, teruskan perjalanan ke Ili, melalui Guozigou Bridge, iaitu jambatan gantung spiral yang unik. Sampai di Ili, beli belah di Six Star Street. Selepas dinner, akan menuju ke hotel, check in. Bermalam di Ili.



DAY 8 : NALATI GRASSLAND TOUR (B,L,D)

Check out, kita akan menuju ke Timur, ke Nalati Grassland yang popular. Ia berada di ketinggian 2000m dari aras laut, pemandangannya sangat cantik dengan rumput hijau terhampar luas, dihiasi bunga liar berwarna warni. Kita akan melihat keindahannya dengan menaiki cable car. Di sini juga merupakan tempat tinggal suku Kazakh sejak ratusan tahun. Kita akan melawat perkampungan mereka untuk lihat cara hidup mereka. Bermalam di Nalati.



DAY 9 : KEMBALI KE ILI, FLIGHT BALIK (B,L)

Selepas check out, kita akan kembali ke Ili. Sampai di sana, kita akan melawat Kazanqi Folklore Street, iaitu perkampungan yang reka bentuk bangunannya campuran budaya Uighur, Russia dan Asia Tengah, dan dicat dengan warna terang. Free time untuk last shopping dan melihat budaya hidup mereka. Airport transfer, menaiki flight pulang dengan transit bermalam (Xian/Beijing/Shanghai)



DAY 10 : SAMPAI MALAYSIA (B)

Kita akan menaiki pesawat pulang pada ke Kuala Lumpur. Sekiranya flight petang, kami akan berikan halfday transit tour secara percuma. Selamat kembali ke Malaysia bersama kenangan indah bersama kami di Xinjiang China.

INCLUDED	EXCLUDED	PERHATIAN!
<ul style="list-style-type: none"> Flight ticket KUL-Urumqi, Ili-KUL Pengangkutan private bus Penginapan hotel 4 bintang Full board meals Entrance fee Tour guide tempatan Tour leader dari Malaysia Tipping untuk guide Takaful kembara berkumpulan 	<ul style="list-style-type: none"> Optional tour Dinner hari ke 9 Tipping tour leader (seikhlas hati, berdasarkan prestasi kerja) 	<ul style="list-style-type: none"> Makan tidak disediakan untuk dinner hari ke 9, atas factor perjalanan flight. Boleh bawa makanan dari Malaysia. Pihak syarikat berhak menentukan syarikat penerbangan yang akan dipilih untuk penerbangan trip ini.

TERMA PEMBAYARAN

Semasa pendaftaran :
RM 1,000 deposit
6 bulan sebelum trip :
RM 3,000 (pembelian tiket flight)
2 bulan sebelum trip :
Baki bayaran

- Harga yang ditawarkan adalah untuk perkhidmatan yang dinyatakan sahaja. Sila rujuk dengan teliti bahagian 'included' dan 'excluded'
- Sebarang pembatalan selepas pembayaran deposit akan dikenakan cancellation fee
- Sebarang perubahan tarikh atau destinasi trip perlu dibuat 90 hari sebelum trip. Jika selepas 90 hari, changing fee akan dikenakan sama seperti nilai cancellation fee
- Proses refund dilakukan antara 15-30 hari selepas pembatalan dibuat.



TRANSAKSI BAYARAN

- Sila berikan salinan slip bayaran dan salinan passport kepada kami selepas bayaran dibuat
- Resit akan dikeluarkan dalam tempoh 3 hari berkerja.
- Bayaran hendaklah terus ke akaun kami. Bayaran kepada pihak ketiga adalah di bawah tanggungjawab sendiri.

PEMBATALAN DARI KAMI	PEMBATALAN DARI PESERTA
<ol style="list-style-type: none"> 1. 100% refund akan diberikan jika trip dibatalkan oleh pihak syarikat. 2. KECUALI, pembatalan yang disebabkan oleh faktor luar bidang kuasa kami seperti, bencana alam, cuaca, isu keselamatan, peperangan, pembatalan 3. penerbangan oleh syarikat penerbangan 4. Sekiranya ini berlaku, refund akan diberikan untuk wang yang masih belum digunakan untuk operasi trip 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sehingga 90 hari sebelum trip - RM 200 unrefundable + pembayaran yang telah dibuat untuk urusan trip seperti flight dan hotel. Jumlahnya tertakluk kepada terma yang mereka tetapkan. 2) 90-46 hari sebelum trip - deposit unrefundable + pembayaran yang telah dibuat untuk urusan trip seperti flight dan hotel. 3) 45-31 hari sebelum trip - 25% unrefundable 4) 30-16 hari sebelum trip - 50% unrefundable 5) 15 hari sebelum trip - 100% unrefundable 6) No show - 100% unrefundable

HUBUNGI KAMI

JET KERTAS TRAVELS SDN BHD
 12-1, Jalan Aman Tiara 5, Bandar Tropicana Aman,
 42500 Telok Panglima Garang, Selangor
 Email : jet.kerta.travel@gmail.com